

DARI ANNE KOH

OSAKA, 9 NOV. (BERNAMA)—DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA HARI INI, PELABURAN JEPUN BERJUMLAH LEBIH DARIPADA \$20 JUTA AKAN DATANG KE MALAYSIA TIDAK LAMA LAGI.

PELABURAN-PELABURAN ITU ADALAH DALAM BIDANG PERUSAHAAN ELEKTRONIK, PERUSAHAAN BERASASKAN GETAH, PERUSAHAAN BERASASKAN KAYU DAN PERUSAHAAN PLASTIK.

TIMBALAN PERDANA MENTERI ITU BERKATA DEMIKIAN DI SINI SEBELUM BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR SETELAH MENGETUAI ROMBONGAN PENGGALAKAN PELABURAN KE JEPUN SELAMA SEMBILAN HARI — ENAM HARI DI TOKYO DAN TIGA HARI DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, PELABURAN-PELABURAN ITU ADALAH PASTI, TETAPI ADA BEBERAPA LAGI YANG MASIH DIRUNDINGKAN.

BELIAU GEMBIRA DENGAN SAMBUTAN HANGAT YANG DIBERIKAN OLEH PENGUSAHA-PENGUSAHA JEPUN TERHADAP TIGA SEMINAR YANG DIADAKAN SEMASA ROMBONGAN ITU BERADA DI SINI.

BELIAU BERPENDAPAT ROMBONGAN ITU TELAH BERJAYA MENJELAS DAN MENERANGKAN KEPADA PARA PENGUSAHA JEPUN TENTANG APA JUA KERAGUAN DAN SALAH ANGGAHAN MEREKA TERHADAP IKLIM PELABURAN MALAYSIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, LEBIH BANYAK LAGI PELABURAN JEPUN DIJANGKA DATANG KE MALAYSIA.

DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN JEPUN AKAN MENGHANTAR SATU ROMBONGAN KE MALAYSIA UNTUK MEMBUAT TINJAUAN SEBELUM AKHIR TAHUN INI BAGI MENENTUKAN JENIS PELABURAN YANG DAPAT DITAWARKAN OLEH JEPUN DALAM BIDANG PERUSAHAAN SEDANG DAN KECIL.

MAHATHIR 2 OSAKA

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA JEPUN SEKARANG TELAH MEMAHAMI MENGAPA SETENGAH DASAR PELABURAN DIKENAKAN OLEH KERAJAAN MALAYSIA SEPERTI MENGENAI PENYERTAAN DAN EKUITI BUMIPUTERA DALAM PERUSAHAAN. MULA-MULANYA MEREKA TIDAK DAPAT MENERIMA DAN MEMAHAMINYA KERANA MEREKA DATANG DARI MASYARAKAT SATU KAUM.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT PERUSAHAAN JEPUN SEPERTI MATSUSHITA, MITSUI, SUGAMI DAN KYOWA RUBBER YANG TELAH MENERANGKAN KEPADA AHLI-AHLI CORPORATE TENTANG PENGALAMAN MEREKA DI MALAYSIA SEMASA SEMINAR-SEMINAR TERSEBUT.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, SYARIKAT-SYARIKAT TERSEBUT TELAH MENJELASKAN KEPADA MEREKA BAHAWA DASAR-DASAR KERAJAAN ITU TIDAK MENGHALANG PELABURAN DAN KEGIATAN MEREKA DI MALAYSIA.

BELIAU JUGA BERKATA, SEKTOR SWASTA YANG MENYERTA ROMBONGAN ITU JUGA MENDAPATI LAWATAN ITU TELAH BERJAYA.

MEREKA SEKARANG INI SUDAH TENTU LEBIH MEMAHAMI TENTANG AMALAN PERNIAGAAN JEPUN DAN MEMBUAT BEBERAPA HUBUNGAN YANG BERFAEDAH DENGAN AHLI-AHLI PERNIAGAAN JEPUN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, ROMBONGAN ITU MENDAPATI BAHAWA DALAM URUSAN MEREKA DENGAN ORANG-ORANG JEPUN, BAHASA MENJADI SATU MASALAH TERUTAMA SEKALI APABILA MEMBINCANGKAN TENTANG BUTIR-BUTIR TEKNIK.

— BERSAMBUNG 1441/LK

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGESYORKAN SUPAYA ORANG-ORANG MALAYSIA MEMPELAJARI BAHASA JEPUN, KERANA SEKARANG INI RAMAI MAJIKAN JEPUN MENGGALAKAN PEKERJA-PEKERJANYA MEMPELAJARI BAHASA INGGERIS.

SATU LAGI MASALAH YANG DIHADAPI OLEH ROMBONGAN ITU IALAH ORANG-ORANG JEPUN TIDAK BIASA BERURUSAN DENGAN TERUS DENGAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN, TIDAK SEPERTI ORANG-ORANG EROPAH DAN AMERIKA.

ORANG-ORANG JEPUN SANGAT MERENDAHKAN DIRI DAN AKAN MENERIMA PENJELASAN-PENJELASAN RASMI TANPA SEBARANG ULASAN.

KATANYA, KERAP KALI MEREKA HENDAK MENYATAKAN BAHAWA MEREKA MENERIMA APA YANG DIDENGAR OLEH MEREKA TETAPI MEREKA MUNGKIN TIDAK MEMPERSETUJUINYA.

INI MENIMBULKAN SATU MASALAH KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI MALAYSIA YANG TIDAK TAHU APA YANG HENDAK DIBUAT KERANA MEMIKIRKAN BAHAWA APA YANG TELAH MEREKA KATAKAN ITU TELAH DITERIMA.

YANG DEMIKIAN TAMBAHNYA, +KITA MESTILAH MENGUBAH SIKAP KITA TERHADAP MEREKA.+

— BERSAMBUNG 1457/LK

EE

B546:

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

MENGENAI PELABURAN PADA KESELURUHANNYA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, SEMENTARA PADA KESELURUHANNYA ROMBONGAN-ROMBONGAN PENGGALAKAN PELABURAN ADALAH SANGAT BERGUNA BAGI MENARIK PELABURAN ASING DI MALAYSIA, INI TIDAK BERERTI YANG PELABURAN TEMPATAN TIDAK DIGALAKKAN.

KATANYA, PELABURAN-PELABURAN ASING PERLU DIBAWA MASUK KERANA MEREKA ITU MEMPUNYAI KEPAKARAN TEKNIK DAN PASARAN.

MEREKA JUGA BOLEH MEMOLONG MENAMBAH PELUANG-PELUANG PEKERJAAN KEPADA RAKYAT MALAYSIA YANG SEDANG MENGHADAPI MASALAH PENGANGGURAN SEBANYAK TUJUH PERATUS.

— BERNAMA 1501/LK